

# Masalah Salah Laku Agresif Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Dan Hubungannya Dengan Gaya Keibubapaan

<sup>1</sup>Asmah Suboh, <sup>2</sup>Nurulhuda Azizi & <sup>3</sup>Mascilla binti Hamzah

<sup>1</sup>Sekolah Menengah Kampung Baru, N.Sembilan

<sup>2</sup>Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam

<sup>3</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

---

**Abstrak:** Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengetahui hubungan antara gaya keibubapaan dengan salah laku pelajar di sekolah sebuah sekolah rendah di pinggir bandar daerah Johor Bahru. Responden kajian melibatkan 130 orang pelajar dan borang soal selidik telah digunakan sebagai instrument kajian. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A iaitu yang berkaitan dengan latar belakang responden dan Bahagian B yang berkaitan dengan salah laku pelajar serta gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa responden. Nilai Alpha keseluruhan bagi soalan di dalam soal selidik ialah 0.897 dan menunjukkan kebolehpercayaan soalan yang tinggi. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan salah laku vandalisme adalah salah laku yang paling dominan bagi salah laku kenakalan, salah laku buli adalah salah laku yang paling dominan bagi salah laku fizikal dan salah laku melawan guru adalah salah laku yang paling dominan bagi salah laku verbal. Gaya autoritatif pula merupakan gaya keibubapaan yang paling dominan diamalkan oleh ibu bapa responden manakala tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian anak mereka di sekolah pula adalah pada tahap tinggi. Dalam kajian ini, didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara salah laku pelajar di sekolah dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah. Kajian juga mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara salah laku pelajar di sekolah dengan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar. Akan tetapi dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah

**Kata kunci :** Pelajar sekolah rendah, Masalah sosial, Gaya keibubapaan

**Abstract:** The purpose of this descriptive study was to survey the relation between parenting styles and student's delinquency in school in Johor Bahru. Respondent of the research involving 130 students and a questionnaire was used as research instrument. This questionnaire contained two parts, which were Part A containing question related to background of respondents and Part B which containing items related to student's delinquency and parenting styles. The acquired overall alpha value was 0.897 and possessed high trustworthiness questions. Data were analyzed using SPSS (Statistical Package for the Social Science) software version 15 to acquire frequency, percentage and mean that were later shown in the table form. Acquired study findings showed that vandalism was the most dominant for the naughtiness delinquency, bully was the most dominant for the physical delinquency and disobey to teachers was the most dominant for the verbal delinquency. While authoritative style was found as the most dominant for the parenting style applied by respondent's parents in rearing their child. It also was found that the parents had shown high involvements in their child daily activities in school. In this study, it was discovered that no significant relation between student's delinquency in school with parents involvements in their child's daily activities in school. The same case goes to the analysis between student's delinquencies in school with parenting styles applied by parents in rearing their child which was also found as no significant relation between both variables. However, the study had found that there was a significant relation between parenting styles applied by parents in rearing their child with parents involvements in their child's daily activities in school. This research suggests a further research to find the cause of student's delinquency in school and used it to solve the student's delinquency problems.

**Keywords :** Primary student's, Student's delinquency, Parenting styles

---

## **1.0 PENGENALAN**

Rencana mengenai masalah disiplin pelajar sering kali dipaparkan sejak akhir-akhir ini. Pelbagai langkah dan strategi diambil pihak bertanggungjawab, tetapi masalah ini belum dapat diatasi sepenuhnya hingga turut membimbangkan kerajaan, pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat secara amnya. Seringkali dipaparkan di media-media cetak mahupun elektronik tempatan akan laporan-laporan yang membabitkan jenayah pelajar sekolah dalam kegiatan kongsi gelap, lumba motorsikal haram, peras ugut, rogol dan mencuri. Ada juga pelajar yang sudah mula berani melanggar bukan saja peraturan sekolah, malah undang-undang negara.

Kimberly (2007) mengatakan bahawa menempuhi peringkat usia remaja selalunya digambarkan sebagai saat-saat yang paling kritikal dan mencabar bagi seorang remaja mahupun ibu bapa. Kajian menunjukkan bahawa remaja melalui proses penyesuaian dalam pembentukan diri sebagai seorang individu dari segi aspek biologikal, kognitif, emosi dan sosial disepanjang proses untuk menjadi dewasa. Didikan ibu bapa yang berkesan semasa usia remaja ini perlu mengambil kira segala keperluan-keperluan aspek-aspek perkembangan yang dinyatakan sebelum ini bagi mengimbangi proses penyesuaian diri yang dilalui oleh remaja ini.

Ghafani (2007) menyatakan bahawa akhlak anak bermula di rumah. Anak sejak kecil dan sebahagian besar masanya berada dalam lingkungan keluarga. Ini menunjukkan perkembangan mental, fizikal dan sosial adalah di bawah kawalan ibu bapa atau tertakluk kepada skrip hidup yang berlaku dalam sesebuah rumahtangga. Oleh yang demikian jika anak remaja menjadi nakal atau liar maka kemungkinan besar puncanya adalah berasal dari pembawaan keluarga itu sendiri.

Sarjit (2007) pula menegaskan bahawa golongan yang bertanggungjawab dalam membawa kewujudan budaya jenayah sama ada di sekolah mahupun di luar sekolah adalah keluarga, iaitu ibu bapa. Keluarga adalah sebuah institusi sosial yang memainkan peranan cukup penting dalam membentuk sahsiah dan tingkah laku moral pelajar. Namun, institusi itu semakin goyah dilanda pelbagai cabaran sama ada dari aspek ekonomi mahupun sosial. Seharusnya asas utama perlu ditekankan sejak kecil lagi ialah pembinaan tahap sosialisasi anak menerusi aspek keagamaan, bak kata pepatah Melayu, 'kalau hendak melentur buluh, biar daripada rebungunya'. Semua ajaran agama mementingkan kebaikan dan menolak kejahatan. Tanpa ajaran agama bersifat fokus akan menyebabkan individu gagal memahami tuntutan agama dalam kehidupan dan mulai melanggar peraturan agama, sekolah mahu undang-undang negara.

Ahli psikologi Diana Baumrind (1971, 1991) telah mengenal pasti empat jenis gaya keibubapaan yang berdasarkan kepada dua aspek utama iaitu daripada segi kawalan dan kasih sayang. Gaya keibubapaan yang berdasarkan kepada kawalan adalah merujuk kepada ibu bapa yang mendidik anak mereka dengan memastikan tingkah laku anak mereka terkawal mengikut peraturan dan batasan norma yang telah ditetapkan. Manakala gaya keibubapaan yang berdasarkan kepada kasih sayang pula merujuk kepada ibu bapa yang menerima dan bertanggungjawab ke atas segala peri laku anak. Apabila kedua-dua aspek keibubapaan ini digabungkan dengan beberapa penekanan yang berbeza ke atas kedua aspek ini, empat jenis gaya keibubapaan yang utama telah dikenal pasti. Gaya-gaya keibubapaan tersebut adalah autoritatif, autoritarian, permisif dan pengabaian.

Disiplin pelajar adalah tanggungjawab masyarakat dan ibu bapa. Pada tahap umur remaja, seseorang pelajar belum mampu menguasai strategi perhubungan sosial, penjelasan nilai

dan prinsip serta pegangan hidup. Pada peringkat ini juga mereka mudah dipengaruhi oleh kumpulan rakan sebaya dan belum mempunyai jati diri, harga diri, hormat diri individu. Maka jalan mudah bagi seseorang remaja untuk diterima oleh rakan sebaya ialah menjadi anggota kumpulan atau mempunyai kumpulan kesepakatan sendiri. Pada tahap ini mereka paling sensitif, mereka mahu diterima oleh rakan tetapi belum ada strategi perhubungan sosial yang matang dan menyerahkan kepada kumpulan tersebut. Pada tahap ini maka sewajarnya orang dewasa menasihati dan memberi bimbingan kepada pelajar terbabit. Jika kita lihat pada masa dahulu kebanyakan remaja bergaul dengan orang-orang tua di masjid dan di sini kita lihat kematangan remaja walaupun dalam usia yang masih dikatakan remaja itu. Namun pada masa ini pergaulan remaja dengan orang dewasa semakin renggang apatah lagi nilai kemasyarakatan juga semakin terhakis. Justeru dunia pelajar hanya dalam kumpulan masing-masing dan mereka tidak dapat melihat dunia luar yang sebenar (Marzita, 2003)

## **2.0 LATAR BELAKANG MASALAH**

Disiplin pelajar adalah tanggungjawab masyarakat dan ibu bapa. Pada tahap umur remaja, seseorang pelajar belum mampu menguasai strategi perhubungan sosial, penjelasan nilai dan prinsip serta pegangan hidup. Pada peringkat ini juga mereka mudah dipengaruhi oleh kumpulan rakan sebaya dan belum mempunyai jati diri, harga diri, hormat diri individu. Maka jalan mudah bagi seseorang remaja untuk diterima oleh rakan sebaya ialah menjadi anggota kumpulan atau mempunyai kumpulan kesepakatan sendiri. Pada tahap ini mereka paling sensitif, mereka mahu diterima oleh rakan tetapi belum ada strategi perhubungan sosial yang matang dan menyerahkan kepada kumpulan tersebut. Pada tahap ini maka sewajarnya orang dewasa menasihati dan memberi bimbingan kepada pelajar terbabit. Jika kita lihat pada masa dahulu kebanyakan remaja bergaul dengan orang-orang tua di masjid dan di sini kita lihat kematangan remaja walaupun dalam usia yang masih dikatakan remaja itu. Namun pada masa ini pergaulan remaja dengan orang dewasa semakin renggang apatah lagi nilai kemasyarakatan juga semakin terhakis. Justeru dunia pelajar hanya dalam kumpulan masing-masing dan mereka tidak dapat melihat dunia luar yang sebenar (Marzita, 2003)

Zalina (2003) mengatakan bahawa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di negara ini dilihat sebagai tidak bersama-sama memainkan peranan untuk membantu menyelesaikan masalah disiplin dikalangan pelajar. Sebagai sebuah persatuan yang mempunyai hubungan secara langsung dengan sekolah, PIBG perlu merasa terpenggil untuk bersama sekolah membendung dan menangani masalah disiplin pelajar yang semakin meruncing. PIBG juga seharusnya memainkan peranan untuk membantu sekolah mengenal pasti pelajar-pelajar yang berkemungkinan menimbulkan masalah dan mengambil tindakan yang sewajarnya

Gaya keibubapaan dalam mendidik anak-anak dilihat sebagai faktor penting yang memainkan peranan di dalam pembentukan sahsiah anak yang diingini. Beberapa jenis gaya keibubapaan telah dikenalpasti. Berdasarkan kepada jenis-jenis gaya keibubapaan ini, penyelidik cuba menentukan hubungan antara gaya keibubapaan dan salah laku pelajar yang dilakukan ketika di sekolah.

### **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau hubungan antara gaya keibubapaan yang diamalkan oleh keluarga atau ibu bapa terhadap masalah salah laku pelajar di sekolah. Fokus utama kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti tahap salah laku kenakalan (ponteng, vandalisme) pelajar yang dilakukan di sekolah.
2. Mengenal pasti tahap salah laku fizikal (buli, gaduh, perilaku kelucahan) pelajar yang dilakukan di sekolah.
3. Mengenal pasti tahap salah laku verbal (melawan guru, melawan pengawas, ugut) pelajar yang dilakukan di sekolah.
4. Mengenal pasti jenis-jenis gaya keibubapaan (autoritatif, autoritarian, permisif dan pengabaian) yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar di sekolah.
5. Mengenal pasti tahap penglibatan ibubapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah.

### **4.0 PERSOALAN KAJIAN**

Untuk mencapai objektif-objektif kajian yang dijelaskan, berikut disenaraikan persoalan-persoalan kajian yang cuba dijawab dalam kajian ini:

1. Apakah salah laku pelajar yang paling dominan bagi salah laku kenakalan (ponteng dan vandalisme) yang berlaku di sekolah?
2. Apakah salah laku pelajar yang paling dominan bagi salah laku fizikal (buli, gaduh, perilaku kelucahan) yang berlaku di sekolah?
3. Apakah salah laku pelajar yang paling dominan bagi salah laku verbal (melawan guru, melawan pengawas, ugut) yang berlaku di sekolah?
4. Apakah jenis gaya keibubapaan (autoritatif, autoritarian, permisif dan pengabaian) yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar yang paling dominan?
5. Apakah tahap penglibatan ibubapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikansi antara salah laku pelajar yang dilakukan di sekolah seperti salah laku kenakalan, fizikal dan verbal dengan penglibatan ibubapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah?
7. Adakah terdapat hubungan yang signifikansi antara jenis-jenis gaya keibubapaan (autoritatif, autoritarian, permisif dan pengabaian) pelajar dengan penglibatan ibubapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah?
8. Adakah terdapat hubungan yang signifikansi antara salah laku pelajar yang dilakukan di sekolah seperti salah laku kenakalan, fizikal dan verbal dengan jenis-jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar?

## **5.0 HIPOTISIS KAJIAN**

Berikut disenaraikan hipotesis-hipotesis nol kajian yang diuji dalam kajian ini:

1. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara salah laku pelajar yang dilakukan di sekolah seperti salah laku kenakalan, fizikal dan verbal dengan penglibatan ibubapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah.
2. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jenis-jenis gaya keibubapaan (autoritatif, autoritarian, permisif dan pengabaian) yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar dengan penglibatan ibubapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah.
3. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara salah laku pelajar yang dilakukan di sekolah seperti salah laku kenakalan, fizikal dan verbal dengan jenis-jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar.

## **6.0 METOD**

Kajian yang dijalankan adalah bagi mencari perhubungan di antara gaya keibubapaan dengan salah laku pelajar yang dilakukan di sebuah sekolah rendah pinggir bandar Johor Bahru. Oleh yang demikian, reka bentuk yang dipilih adalah kajian tinjauan, iaitu salah satu cara penyelidikan deskriptif. Kajian tinjauan digunakan untuk mendapatkan data dari murid-murid dari sebuah sekolah rendah pinggir bandar. Matlamat penyelidikan deskriptif adalah untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan.

Populasi kajian terdiri daripada 180 murid tahap dua yang melibatkan mereka yang berada dalam kelas terakhir bagi setiap aliran di Tahun Empat, Tahun Lima dan Tahun Enam. Daripada sebuah sekolah rendah di pinggir bandar Johor Bahru. Penyelidik mensasarkan kajian ini terhadap murid tahap dua sekolah rendah yang berada di dalam kelas terakhir kerana golongan ini yang paling ramai terlibat di dalam melakukan salah laku disiplin di sekolah rendah.

Bagi kajian mengenai latar belakang responden serta salah laku yang dilakukan di sekolah, penyelidik telah membina soal selidik berdasarkan kepada salah laku- salah laku yang bersesuaian dengan persekitaran di sekolah rendah mengikut keperluan dan objektif kajian. Manakala bagi kajian mengenai gaya keibubapaan, instrumen yang digunakan adalah yang telah diterjemah dan diadaptasikan dari model yang dibina oleh Larry Steinberg (1995) mengikut keperluan dan objektif kajian.

Satu kajian rintis telah dilakukan bagi memastikan item soal selidik jelas, ringkas, mudah difahami dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai Alfa Cronbach keseluruhan bagi kesemua bahagian ialah 0.897.

## **7.0 DAPATAN KAJIAN**

### **1. Salah Laku Kenakalan Paling Dominan**

Jadual 1 menunjukkan analisis tahap salah laku ponteng. Seramai 125 orang atau 96.2 peratus mempunyai tahap salah laku ponteng yang rendah sementara 5 orang atau 3.8 peratus mempunyai tahap salah laku ponteng yang sederhana.

**Jadual 1 :** Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Salah Laku Ponteng  
(n=130)

Tahap salah laku ponteng	Bilangan	Peratus
Rendah	125	96.2
Sederhana	5	3.8
Tinggi	0	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>130</b>	<b>100.0</b>

Jadual 2 menunjukkan analisis tahap salah laku vandalisme. Seramai 118 orang atau 90.8 peratus mempunyai tahap salah laku vandalisme yang rendah sementara 12 orang atau 9.2 peratus mempunyai tahap salah laku vandalisme yang sederhana.

**Jadual 2 :** Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Salah Laku Vandalisme  
(n=130)

Tahap salah laku vandalisme	Bilangan	Peratus
Rendah	118	90.8
Sederhana	12	9.2
Tinggi	0	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>130</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan kepada Jadual 3 tahap salah laku vandalisme adalah merupakan salah laku kenakalan yang paling dominan berlaku di sekolah rendah di mana min keseluruhannya adalah 1.56 berbanding dengan min keseluruhan bagi salah laku ponteng iaitu 1.34. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa salah laku vandalisme dan ponteng yang berlaku di sekolah rendah adalah berada pada tahap rendah.

**Jadual 3 :** Min Keseluruhan salah laku kenakalan (ponteng dan vandalisme) yang berlaku di sekolah

Salah laku kenakalan	Min keseluruhan
Ponteng	1.34
Vandalisme	1.56

## 2. Salah Laku Fizikal Paling Dominan

Jadual 4 menunjukkan analisis tahap salah laku buli. Seramai 51 orang atau 39.2 peratus mempunyai tahap salah laku buli yang rendah sementara 49 orang atau 37.7 peratus mempunyai

tahap salah laku buli yang sederhana. Manakala seramai 30 orang atau 23.1 peratus mempunyai tahap salah laku buli yang tinggi.

**Jadual 4 :** Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Salah Laku Buli

(n=130)

Tahap salah laku buli	Bilangan	Peratus
Rendah	51	39.2
Sederhana	49	37.7
Tinggi	30	23.1
<b>Jumlah</b>	<b>130</b>	<b>100.0</b>

Jadual 5 menunjukkan analisis tahap salah laku bergaduh. Seramai 104 orang atau 80.0 peratus mempunyai tahap salah laku bergaduh yang rendah sementara 22 orang atau 16.9 peratus mempunyai tahap salah laku bergaduh yang sederhana. Manakala seramai 4 orang atau 3.1 peratus mempunyai tahap salah laku bergaduh yang tinggi.

**Jadual 5 :** Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Salah Laku Bergaduh

(n=130)

Tahap salah laku bergaduh	Bilangan	Peratus
Rendah	104	80.0
Sederhana	22	16.9
Tinggi	4	3.1
<b>Jumlah</b>	<b>130</b>	<b>100.0</b>

Jadual 6 menunjukkan analisis tahap salah laku perlakuan kelucahan. Seramai 112 orang atau 86.2 peratus mempunyai tahap salah laku perlakuan kelucahan yang rendah sementara 12 orang atau 9.2 peratus mempunyai tahap salah laku perlakuan kelucahan yang sederhana. Manakala seramai 6 orang atau 4.6 peratus mempunyai tahap salah laku perlakuan kelucahan yang tinggi.

**Jadual 6 :** Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Salah Laku Perlakuan Kelucahan

(n=130)

Tahap salah laku perlakuan kelucahan	Bilangan	Peratus
Rendah	112	86.2
Sederhana	12	9.2
Tinggi	6	4.6
<b>Jumlah</b>	<b>130</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan kepada Jadual 7 salah laku buli adalah merupakan salah laku fizikal yang paling dominan berlaku di sekolah rendah di mana min keseluruhannya adalah 2.42 berbanding dengan min keseluruhan bagi salah laku bergaduh iaitu 1.71 dan min keseluruhan bagi salah laku perlakuan kelucahan iaitu 1.46. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa salah laku buli adalah berada pada tahap sederhana, sementara salah laku bergaduh dan perlakuan kelucahan yang berlaku di sekolah rendah juga adalah berada pada tahap rendah.

**Jadual 7 :** Min Keseluruhan salah laku fizikal (buli, bergaduh dan perilaku kelucahan) yang berlaku di sekolah

Salah laku fizikal	Min keseluruhan
Buli	2.42
Bergaduh	1.71
Perilaku Kelucahan	1.46

### 3. Salah Laku Verbal Paling Dominan

Jadual 8 menunjukkan analisis tahap salah laku melawan guru. Seramai 67 orang atau 51.5 peratus mempunyai tahap salah laku melawan guru yang rendah sementara 59 orang atau 45.4 peratus mempunyai tahap salah laku melawan guru yang sederhana. Manakala seramai 4 orang atau 3.1 peratus mempunyai tahap salah laku melawan guru yang tinggi.

**Jadual 8:** Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Salah Laku Melawan Guru (n=130)

Tahap salah laku melawan guru	Bilangan	Peratus
Rendah	67	51.5
Sederhana	59	45.4
Tinggi	4	3.1
<b>Jumlah</b>	<b>130</b>	<b>100.0</b>

Jadual 9 menunjukkan analisis tahap salah laku melawan pengawas. Seramai 105 orang atau 80.8 peratus mempunyai tahap salah laku melawan pengawas yang rendah sementara 23 orang atau 17.7 peratus mempunyai tahap salah laku melawan pengawas yang sederhana. Manakala seramai 2 orang atau 1.5 peratus mempunyai tahap salah laku melawan pengawas yang tinggi.

**Jadual 9 :** Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Salah Laku Melawan Pengawas (n=130)

Tahap salah laku melawan pengawas	Bilangan	Peratus
Rendah	105	80.8
Sederhana	23	17.7
Tinggi	2	1.5
<b>Jumlah</b>	<b>130</b>	<b>100.0</b>



Jadual 10 menunjukkan analisis tahap salah laku ugut. Seramai 126 orang atau 96.9 peratus mempunyai tahap salah laku ugut yang rendah sementara 4 orang atau 3.1 peratus mempunyai tahap salah laku ugut yang sederhana.

**Jadual 10 :** Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Salah Laku Ugut (n=130)

Tahap salah laku ugut	Bilangan	Peratus
Rendah	126	96.9
Sederhana	4	3.1
Tinggi	0	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>130</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan kepada Jadual 11 tahap salah laku melawan guru adalah merupakan salah laku verbal yang paling dominan berlaku di sekolah rendah di mana min keseluruhannya adalah 2.07 berbanding dengan min keseluruhan bagi salah laku melawan pengawas iaitu 1.60 dan min keseluruhan bagi salah laku ugut iaitu 1.38. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa salah laku melawan guru adalah berada pada tahap sederhana, sementara salah laku bagi melawan pengawas dan ugut di sekolah rendah pula adalah berada pada tahap rendah.

**Jadual 11 :** Min Keseluruhan salah laku verbal (melawan guru, melawan pengawas dan ugut) yang berlaku di sekolah

Salah laku verbal	Min keseluruhan
Melawan guru	2.07
Melawan pengawas	1.60
Ugut	1.38

#### 4. Gaya Keibubapaan Paling Dominan

Jadual 12 menunjukkan tahap tingkah laku ibu bapa dalam mengamalkan gaya keibubapaan berdasarkan ciri-ciri responsif dan mengarah. Seramai 95 atau 73.1 peratus orang responden mempunyai ibu bapa yang mengamalkan ciri responsif dalam gaya keibubapaan pada tahap tinggi manakala seramai 35 atau 26.9 peratus orang pula mempunyai ibu bapa yang mengamalkan ciri responsif pada tahap rendah. Sementara itu bagi ciri mengarah pula, seramai 74 atau 56.9 orang responden yang mempunyai ibu bapa yang mengamalkan tingkah laku mengarah pada tahap tinggi dan seramai 56 atau 43.1 peratus orang responden yang mempunyai ibu bapa yang mengamalkan ciri mengarah pada tahap rendah.

**Jadual 12 :** Tahap Tingkah Laku Ibu Bapa dalam Mengamalkan Gaya Keibubapaan

	Tahap	Kekerapan	Peratusan
Responsif	Tinggi	95	73.1
	Rendah	35	26.9
<b>Jumlah</b>		<b>130</b>	<b>100</b>

Mengarah	Tinggi	74	56.9
	Rendah	56	43.1
<b>Jumlah</b>		<b>130</b>	<b>100</b>

Berdasarkan kepada dapatan kajian mengenai ciri responsif dan ciri mengarah yang diamalkan oleh ibu bapa responden, mereka telah dibahagikan mengikut tahap-tahap ciri tersebut kepada empat gaya keibubapaan.

**Jadual 13 :** Taburan Kekerapan Gaya Keibubapaan yang Diamalkan Oleh Ibu Bapa Responden

Gaya Keibubapaan	Kekerapan	Peratusan
Gaya Autoritatif	59	45.4
Gaya Autoritarian	15	11.5
Gaya Permisif	36	27.7
Gaya Pengabaian	20	15.4
<b>Jumlah</b>	<b>130</b>	<b>100</b>

Jadual 13 menunjukkan hasil pengklasifikasian yang telah diperolehi. Seramai 59 atau 45.4 orang responden mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gaya autoritatif, seramai 15 atau 11.5 peratus orang responden mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gaya authoritarian, seramai 36 atau 27.7 peratus orang responden mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gaya permisif dan seramai 20 atau 15.4 peratus orang responden mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gaya pengabaian. Berdasarkan dapatan kajian ini, gaya keibubapaan yang paling dominan diamalkan oleh para ibu bapa responden adalah dari jenis gaya autoritatif.

## 5. Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Harian Yang Dilakukan Oleh Pelajar Di Sekolah

Jadual 14 menunjukkan taburan responden terhadap penglibatan ibu bapa mereka di dalam aktiviti yang mereka lakukan di sekolah.

**Jadual 14:** Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai Bagi Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Harian Pelajar di Sekolah(n=130)

Pernyataan	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	Min	SP
Ibu bapa saya menghadiri mesyuarat PIBG di sekolah setiap tahun	<u>9</u> (6.9)	<u>41</u> (31.5)	<u>32</u> (24.6)	<u>6</u> (4.6)	<u>42</u> (32.3)	3.24	1.374
Ibu bapa saya hadir ke Hari Sukan	<u>28</u>	<u>40</u>	<u>21</u>	<u>17</u>	<u>24</u>	2.76	1.413

sekolah saya setiap tahun	(21.5)	(30.8)	(16.2)	(13.1)	(18.5)		
Ibu bapa saya hadir di Hari Terbuka bagi mengambil keputusan peperiksaan saya	$\frac{92}{(70.8)}$	$\frac{29}{(22.3)}$	$\frac{3}{(2.3)}$	$\frac{2}{(1.5)}$	$\frac{4}{(3.1)}$	1.44	0.872
Ibu bapa saya mengetahui tarikh-tarikh peperiksaan di sekolah saya	$\frac{86}{(66.2)}$	$\frac{28}{(21.5)}$	$\frac{12}{(9.2)}$	$\frac{2}{(1.5)}$	$\frac{2}{(1.5)}$	1.51	0.847
Ibu bapa saya mengenali semua guru yang mengajar saya di sekolah	$\frac{26}{(20.0)}$	$\frac{42}{(32.3)}$	$\frac{25}{(19.2)}$	$\frac{29}{(22.3)}$	$\frac{8}{(6.2)}$	2.62	1.209
Ibu bapa saya hadir ke sekolah bagi menjayakan program sekolah seperti Majlis Solat Hajat, Majlis Khatam Al-Quran, Majlis Maulidur Rasul, Majlis Anugerah Cemerlang dan lain-lain.	$\frac{15}{(11.5)}$	$\frac{60}{(46.2)}$	$\frac{13}{(10.0)}$	$\frac{15}{(11.5)}$	$\frac{27}{(20.8)}$	2.84	1.363
<b>Nilai Keseluruhan</b>						<b>2.40</b>	<b>0.755</b>

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa min skor keseluruhan bagi penglibatan ibu bapa responden dalam aktiviti anak mereka di sekolah ialah 2.40 dan sisihan piawai keseluruhan adalah 0.755. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa responden dalam aktiviti sekolah anak mereka pada tahap sederhana.

#### **6. Korelasi salah laku pelajar yang dilakukan di sekolah seperti salah laku kenakalan, fizikal dan verbal dengan penglibatan ibubapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah**

Hasil analisis hubungan korelasi antara salah laku pelajar yang dilakukan di sekolah dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian pelajar di sekolah, didapati nilai Kolerasi Pearson,  $r = -0.030$ . Ini menunjukkan perhubungan antara salah laku pelajar yang dilakukan di sekolah dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian pelajar di sekolah adalah sangat lemah. Korelasi koefisien yang bernilai negatif bermaksud hubungan antara salah laku pelajar yang dilakukan di sekolah dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian pelajar di sekolah adalah berkadar secara songsang.

Sementara nilai  $p = 0.732 > \alpha 0.05$  (2-tailed). Hipotesis nol diterima iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara salah laku pelajar yang dilakukan di sekolah seperti salah laku kenakalan, fizikal dan verbal dengan penglibatan ibubapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah.

**Jadual 15:** Analisis hubungan kolerasi antara salah laku pelajar yang dilakukan di sekolah dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian pelajar di sekolah

		Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian pelajar di sekolah	Salah laku pelajar
Salah laku pelajar	Kolerasi Pearson, r	- 0.030	1
	Signifikan (2-tailed)	0.732	
	N	130	130

*Signifikan pada aras keertian 0.05(2-tailed)*

**7. Korelasi jenis-jenis gaya keibubapaan (autoritatif, autoritarian, permisif dan pengabaian) yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar dengan penglibatan ibubapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah**

Hasil analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan yang diamalkan dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian pelajar di sekolah, didapati nilai Kolerasi Pearson,  $r = - 0.490$ . Ini menunjukkan perhubungan antara gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar dengan salah laku pelajar adalah pada tahap sederhana dan mempunyai hubungan yang kuat.. Korelasi koefisien yang bernilai negatif bermaksud hubungan antara gaya keibubapaan yang diamalkan dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian pelajar di sekolah adalah berkadar secara songsang.

Sementara nilai  $p = 0.000 < \alpha 0.01$  (2-tailed). Hipotesis nol ditolak dimana dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara jenis-jenis gaya keibubapaan (autoritatif, autoritarian, permisif dan pengabaian) yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar dengan penglibatan ibubapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah.

**Jadual 16 :** Analisis hubungan kolerasi antara gaya keibubapaan yang diamalkan dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian pelajar di sekolah

		Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian pelajar di sekolah	Gaya Keibubapaan
Gaya Keibubapaan	Kolerasi Pearson, r	- 0.490**	1
	Signifikan (2-tailed)	0.000	
	N	130	130

**\*\*** *Signifikan pada aras keertian = 0.01 (2-tailed)*

## 8 Korelasi salah laku pelajar yang dilakukan di sekolah seperti salah laku kenakalan, fizikal dan verbal dengan jenis-jenis gaya keibubapaan (autoritatif, autoritarian, permisif dan pengabaian) yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar

Hasil analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan yang diamalkan dengan salah laku pelajar di sekolah, didapati nilai Kolerasi Pearson,  $r = 0.115$ . Ini menunjukkan perhubungan antara gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar dengan salah laku pelajar adalah sangat lemah. Korelasi koefisien yang bernilai positif bermaksud hubungan antara gaya keibubapaan yang diamalkan dengan salah laku pelajar di sekolah adalah berkadar terus.

Sementara nilai  $p = 0.194 > \alpha 0.05$ . Hipotesis nol diterima iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara salah laku pelajar yang dilakukan di sekolah seperti salah laku kenakalan, fizikal dan verbal dengan jenis-jenis gaya keibubapaan (autoritatif, autoritarian, permisif dan pengabaian) yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar.

**Jadual 17 :** Analisis hubungan kolerasi antara gaya keibubapaan yang diamalkan dengan salah laku pelajar di sekolah

		Gaya Keibubapaan	Salah laku pelajar
Salah laku pelajar	Kolerasi Pearson, r	0.115	1
	Signifikan (2-tailed)	0.194	
	N	130	130

*Signifikan pada aras keertian 0.05*

### 8.0 PERBINCANGAN

Kajian bagi salah laku kenakalan ini memberikan tumpuan kepada dua jenis salah laku iaitu salah laku ponteng dan salah laku vandalisme yang dilakukan di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa salah laku ponteng yang berlaku di sekolah adalah berada pada tahap rendah iaitu 96.2 peratus responden yang terlibat berbanding dengan tahap sederhana 3.8 peratus responden yang terlibat dan tiada salah laku ponteng tahap tinggi yang berlaku di sekolah. Manakala salah laku vandalisme yang dilakukan oleh pelajar di sekolah pula didapati berada pada tahap rendah iaitu sebanyak 90.8 peratus responden yang terlibat berbanding dengan tahap sederhana yang hanya melibatkan 9.2 peratus daripada responden sahaja dan tiada salah laku vandalisme tahap tinggi yang berlaku. Daripada hasil perbandingan min keseluruhan bagi salah laku kenakalan di antara ponteng dan vandalisme yang dilakukan pelajar ketika berada di sekolah, didapati bahawa salah laku kenakalan yang paling dominan adalah salah laku vandalisme yang mempunyai min keseluruhan 1.56 berbanding dengan min keseluruhan bagi salah laku ponteng iaitu 1.34.

Kajian bagi salah laku fizikal ini memberikan tumpuan kepada tiga jenis salah laku iaitu salah laku buli, salah laku bergaduh dan salah laku kelucahan yang dilakukan oleh pelajar ketika berada di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa salah laku buli yang berlaku di sekolah adalah berada pada tahap sederhana iaitu 37.7 peratus responden yang terlibat berbanding dengan tahap rendah 39.2 peratus responden yang terlibat dan 23.1 peratus responden yang terlibat dengan salah laku buli pada tahap tinggi. Manakala bagi salah laku bergaduh yang dilakukan oleh pelajar di sekolah pula didapati berada pada tahap rendah iaitu melibatkan 80.0 peratus responden berbanding dengan tahap sederhana yang melibatkan 16.9 peratus daripada responden dan 3.1 peratus responden lagi terlibat dengan salah laku bergaduh pada tahap tinggi. Seterusnya bagi salah laku perlakuan kelucahan pula di dapati berada pada tahap rendah iaitu melibatkan 86.2 peratus responden. 9.2 peratus responden pula terlibat pada tahap sederhana dan 4.6 peratus responden pula terlibat dengan salah laku perlakuan kelucahan pada tahap tinggi. Daripada hasil perbandingan min bagi tahap salah laku fizikal di antara buli, bergaduh dan perlakuan kelucahan yang dilakukan pelajar ketika berada di sekolah, didapati bahawa salah laku fizikal yang paling dominan adalah salah laku buli yang mana mempunyai min keseluruhan 2.42 berbanding dengan min keseluruhan bagi salah laku bergaduh iaitu 1.71 dan salah laku perlakuan kelucahan yang mempunyai min keseluruhan 1.46.

Sementara bagi kajian bagi salah laku verbal ini memberikan tumpuan kepada tiga jenis salah laku iaitu salah laku melawan guru, salah laku melawan pengawas dan salah laku ugut yang dilakukan oleh pelajar ketika berada di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa salah laku melawan guru yang berlaku di sekolah adalah berada pada tahap sederhana iaitu 45.4 peratus responden yang terlibat berbanding dengan tahap rendah 51.5 peratus responden yang terlibat dan 3.1 peratus responden yang terlibat dengan salah laku melawan guru pada tahap tinggi. Manakala bagi salah laku melawan pengawas yang dilakukan oleh pelajar di sekolah pula didapati berada pada tahap rendah iaitu sebanyak 80.8 peratus responden yang terlibat berbanding dengan tahap sederhana yang melibatkan 17.7 peratus daripada responden dan 1.5 peratus responden lagi terlibat dengan salah laku melawan pengawas pada tahap tinggi. Seterusnya bagi salah laku ugut pula di dapati berada pada tahap rendah iaitu melibatkan 96.9 peratus responden. 3.1 peratus responden pula terlibat pada tahap sederhana dan tiada yang terlibat dengan salah laku ugut pada tahap tinggi. Daripada hasil perbandingan min bagi tahap salah laku verbal di antara melawan guru, melawan pengawas dan ugut yang dilakukan pelajar ketika berada di sekolah, didapati bahawa salah laku verbal yang paling dominan adalah salah laku melawan guru yang mana mempunyai min keseluruhan 2.07 berbanding dengan min keseluruhan bagi salah laku melawan pengawas iaitu 1.60 dan salah laku ugut yang mempunyai min keseluruhan 1.38.

Kajian bagi mengenal pasti jenis-jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh para ibu bapa pelajar di sekolah ini memberikan tumpuan kepada dua jenis ciri-ciri dalam mengamalkan gaya keibubapaan di rumah iaitu ciri mengarah dan ciri responsif. Hasil dari kombinasi tahap kedua-dua ciri ini penyelidik mengklasifikasikan gaya keibubapaan para ibu bapa pelajar kepada empat gaya utama dalam amalan keibubapaan. Hasil daripada kajian, didapati 45.4 peratus daripada responden mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif terhadap anak mereka. Manakala didapati hanya 11.5 peratus daripada responden mempunyai ibu bapa yang mengamalkan jenis gaya keibubapaan autotarian ini terhadap anak mereka.

Seterusnya didapati 27.7 peratus daripada responden mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan permisif ini terhadap anak mereka dan 15.4 peratus daripada responden mempunyai ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan pengabaian ini terhadap anak mereka. Daripada hasil perbandingan kekerapan jenis-jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh para ibu bapa pelajar, didapati bahawa amalan gaya keibubapaan jenis autoritatif adalah merupakan amalan keibubapaan yang paling dominan kerana mempunyai kekerapan yang paling tinggi iaitu seramai 59 orang responden berbanding dengan jenis gaya keibubapaan yang lain iaitu autotarian seramai 15 orang responden, gaya permisif seramai 36 orang responden dan gaya pengabaian seramai 20 orang responden.

Kajian bagi penglibatan ibu bapa ini memberikan tumpuan kepada penglibatan mereka dengan aktiviti-aktiviti harian anak-anak mereka ketika di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan para ibu bapa dengan aktiviti harian sekolah anak mereka adalah berada pada tahap tinggi iaitu seramai 59.2 peratus responden mempunyai ibu bapa yang sangat mengambil tahu akan kegiatan harian anak mereka ketika di sekolah. berbanding dengan tahap sederhana 34.6 peratus responden yang terlibat dan 6.2 peratus responden mempunyai ibu bapa yang kurang mengambil tahu akan kegiatan harian anak mereka ketika di sekolah.

Analisis ke atas salah laku pelajar yang dilakukan di sekolah dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah, menunjukkan indeks kolerasi yang negatif, di mana hubungan di antara salah laku pelajar di sekolah dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah adalah berkadar secara songsang. Di bawah aras keertian 0.05 yang dipilih dan nilai kolerasi  $r = -0.030$  yang diperolehi adalah di antara 0.0 hingga 0.2. Mengikut garis panduan, nilai pekali kolerasi 0.0 hingga 0.20 menunjukkan perkaitan di antara dua pemboleh ubah tersebut adalah sangat lemah. Manakala nilai signifikan  $p$  adalah lebih besar daripada 0.05 iaitu 0.732. Situasi ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara salah laku pelajar di sekolah dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah. Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada keputusan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah tidak mempengaruhi pelaksanaan salah laku pelajar di sekolah.

Manakala analisis ke atas jenis-jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah, menunjukkan indeks kolerasi yang negatif, di mana hubungan di antara gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah adalah berkadar secara songsang. Di bawah aras keertian 0.05 yang dipilih dan nilai kolerasi  $r = -0.490$  yang diperolehi adalah di antara 0.40 hingga 0.70. Ini menunjukkan perkaitan di antara dua pemboleh ubah tersebut adalah sederhana dan mempunyai hubungan yang kuat. Manakala nilai signifikan  $p$  adalah lebih kecil daripada 0.05 iaitu 0.000. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah. Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada keputusan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar mempengaruhi penglibatan ibu bapa pelajar dalam aktiviti harian yang dilakukan oleh pelajar di sekolah.

Daripada analisis ke atas salah laku pelajar di sekolah dan hubungannya dengan jenis-jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar, menunjukkan indeks kolerasi yang positif, di mana hubungan di antara salah laku pelajar di sekolah dengan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar adalah berkadar secara langsung. Di bawah aras keertian 0.05 yang dipilih dan nilai kolerasi  $r = 0.115$  yang diperolehi adalah di antara 0.00 hingga 0.20. Ini menunjukkan perkaitan di antara dua pemboleh ubah tersebut adalah sangat lemah. Manakala nilai signifikan  $p$  adalah lebih besar daripada 0.05 iaitu 0.194. Situasi ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara salah laku pelajar di sekolah dengan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar. Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada keputusan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar tidak mempengaruhi pelakuan salah laku pelajar di sekolah.

## **9.0 KESIMPULAN**

Hasil kajian menunjukkan bahawa salah laku kenakalan yang paling dominan dilakukan oleh pelajar di sekolah adalah salah laku jenis vandalisme. Walau bagaimanapun pada keseluruhannya, ianya berada pada tahap rendah. Manakala, bagi salah laku fizikal pula, dapatan kajian menunjukkan salah laku buli adalah yang salah laku fizikal paling dominan yang dilakukan oleh pelajar di sekolah. Walau bagaimanapun pada keseluruhannya, ianya berada pada tahap sederhana. Seterusnya bagi salah laku verbal, dapatan kajian menunjukkan salah laku melawan guru adalah yang salah laku verbal paling dominan yang dilakukan oleh pelajar di sekolah. Walau bagaimanapun pada keseluruhannya, ianya berada pada tahap sederhana.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa gaya keibubapaan yang paling dominan yang diamalkan oleh ibu bapa responden adalah gaya autoritatif, diikuti dengan gaya permisif dan gaya pengabaian. Gaya autotarian adalah yang paling sedikit diamalkan oleh ibu bapa responden. Beberapa faktor yang telah dikaji bagi melihat perkaitannya dengan salah laku yang dilakukan oleh pelajar ketika di sekolah, menunjukkan bahawa faktor gaya keibubapaan yang diamalkan oleh para ibu bapa pelajar dan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti harian anak mereka di sekolah tidak mempengaruhi tahap perlakuan salah laku pelajar di sekolah. Akan tetapi dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan di antara gaya keibubapaan yang diamalkan dengan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti anak mereka ketika di sekolah. Dimana perhubungan yang didapati adalah berkadar secara langsung.

## **RUJUKAN**

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahman Hamdan (2007). "Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan". Universiti Teknologi Malaysia: PTS Professional.
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Jamaludin Ramli, Jaafar Sidek Latif, Fawziah Yahya, Amir Hamzah Abdul (2004). "Psikologi Sosial". Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Baker, T.L. (1994). *Doing Social Research* (2nd Edn.), New York: McGraw-Hill Inc.
- Baumrind, D. (1971). "Current patterns of parental authority". *Developmental Psychology Monographs*, 4 (1, Pt.2).



- Baumrind, D. (1991). Effective parenting during the early adolescent transition. In P.A.Cowan & E. M. Hetherington (Eds.), *Advances in family research* (Vol. 2). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Borg, M.J.(1999). The Extent and Nature of Bullying Among Primary and Secondary School Children. *Educational Research*, 41, 137-153.
- Erickson, E.H. (1963). *Childhood and Societ* (rev. Ed.) New York: Norton
- Ghafani bin Awang. (2007). "Kenakalan Remaja dari Perspektif Islam" Retrieved on 8 Aug 2008, from <http://halaqah.net/v10/index.php>
- Hillsdale, NJ: Erlbraum. Olweus, D. (1993). Victimization by peers: Antecedents and long-term outcomes. In K.H. Rubin & J.B. Asendorpf (Eds), *Social Withdrawal, Inhabition and Shyness in Childhood*.
- Hillsdale, NJ: Erlbraum Olweus, D. (1998). Bullying at school: basic facts and effect of a school based intervation program. *Child Psychological Science*, 4, 196-200.
- Kimberly Kopko. (2007). "Parenting Styles and Adolescents". Cornell Cooperative Extension
- Marzita Abdullah. (2003), Bebas samseng - Kelulusan, pengalaman pengetua bukan penentu. Portal Pendidikan Utusan, 9.9.2003. Retrieved on 8 Aug 2008, from <http://www.tutor.com.my>
- Marzita Abdullah. (2003), Disiplin pelajar - Kadangkala berpunca daripada guru. Portal Pendidikan Utusan, 30.9.2003. Retrieved on 8 Aug 2008, from <http://www.tutor.com.my>
- Morris, D.B. (1962). "Sex Difference in the Life Problems of Adolecent, 1935 and 1954", *Reading in Educational Psychology*. New York: The Macmilan Co.
- Nik Aziz Nik Pa (1991). "Keluarga Sejahteran Sebagai Landasan Bagi Realisasi Wawasan 2020". *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 2. 22-31
- Nurul Izzah Sidek. (2007), Menghukum remaja dengan rotan. Portal Pendidikan Utusan, 26.07.2007. Retrieved on 5 Sept 2008, from <http://www.tutor.com.my>
- Olweus, D. (1978). *Aggression in the School: Bulying and Whipping Boys*. Washington, DC: Hemisphere, Wiley.
- Olweus, D. (1991). Bully/victim problem among school-based Intervention programme. In D. Pepler & K. Rubin, (Eds.) *The Develepment and Treatment of Childhood Aggression*.
- Rohana Man. (2004), Bunuh diri - Pelajar terpinggir dan terasing. Portal Pendidikan Utusan, 13.07.2004. Retrieved on 5 Sept 2008, from <http://www.tutor.com.my>
- Rosmah Dain. (2004), Personaliti anak - Keluarga kumpulan penting bentuk peribadi. Portal Pendidikan Utusan, 12.08.2004. Retrieved on 5 Sept 2008, from <http://www.tutor.com.my>
- Saifuddin Abdullah. (2007), Kasih saying berkesan didik anak. *Berita Harian*, 10.02.2007. Retrieved on 12 Aug 2008, from [http://saifuddinabdullah.com.my/k\\_bharian/2007/feb/bh100207\\_kasihsayang.html](http://saifuddinabdullah.com.my/k_bharian/2007/feb/bh100207_kasihsayang.html)
- Sarjit Singh Gill. (2007). "Menangani Masalah Salah Laku Pelajar". *Berita Harian* – Jumaat, 27.7.2007
- Smith dan Sharp (1994). *The problem of school bullying*. In P.K. Smith & S.Sharp (Eds.), *SchoolBullying Insights and perspectives*. London: Routledge.
- Tiwi Kamidin. (2004), Pendekatan Sistem Mentor Dalam Pengurusan Tingkah Laku Bermasalah. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, Jilid 5, 2004